



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**RINDU TAK BERTEPI**

**Tarikh Dibaca :**

**17 RABIULAWAL 1444H/  
14 OKTOBER 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## RINDU TAK BERTEPI

14 OKTOBER 2022 / 17 RABIULAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ  
الْقَاتِلِ:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللّٰهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللّٰهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكْرَ اللّٰهِ

كَثِيرًا ٦١

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ

صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَّا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar tidak berbual atau tidak bermain telefon ketika khutbah sedang disampaikan kerana ia termasuk dalam perkara yang *lagha* (sia-sia). Disebut dalam Kitab *al-Muktamad Fi Fiqh al-Syafie* berdalilkan dengan hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَّا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٍ

**Maksudnya:** “Dan barangsiapa yang lagha maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”. (**Hadis riwayat Abu Daud**)

Jadi, berikan tumpuan sebaiknya kepada khutbah yang akan disampaikan. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Rindu Tak Bertepi**”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kita masih lagi berada dalam bulan kelahiran Rasulullah SAW. Kesempatan berada dalam bulan yang mulia ini mesti kita manfaatkan sepenuhnya dengan mengenang dan menekuni perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW dalam usaha menanamkan kecintaan dan meneladani Baginda.

Membaca sirah perjalanan hidup Baginda pastinya menaikkan semangat, meningkatkan motivasi, dan menjentik emosi kita. Padanya juga terdapat banyak pengajaran dan panduan kepada kita dalam menghadapi ujian dunia hari ini.

Allah SWT berfirman dalam Surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ الْمُنَذِّرِينَ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ

تَصَدِّيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفَصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

**Maksudnya:** “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Allah SWT menyatakan bahawa Rasulullah SAW merupakan rahmat terbesar kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya’ ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

**Maksudnya:** “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Manakala dalam sebuah hadis disebutkan;

عَنْ أَبِي صَالِحٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنَادِيهِمْ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مَهْدَأةٌ.

**Maksudnya:** Daripada Abu Soleh RA, beliau berkata: "Bahawa Nabi SAW (pada suatu hari) menyeru para sahabat: "Wahai sekalian manusia! (Ketahuilah) Bahawa sesungguhnya daku ini adalah rahmat yang dihadiahkan (oleh Allah SWT kepada seluruh alam)". (**Hadis riwayat Ad-Darimi, Al-Hakim**)

Menurut Ibnu Abbas, Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat bagi seluruh manusia, baik mukmin mahupun kafir. Rahmat bagi orang mukmin iaitu Allah SWT memberinya petunjuk dengan sebab diutusnya Rasulullah. Baginda menjadi penyebab masuknya orang-orang beriman ke dalam syurga dengan iman dan amal mereka terhadap perintah Allah SWT. Manakala rahmat bagi orang kafir pula, berupa tidak disegerakannya bencana seperti yang menimpa umat-umat terdahulu yang mengingkari perintah Allah SWT.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita mengetahui dan sangat meyakini bahawa Rasulullah SAW merupakan contoh teladan terbaik buat kita. Dengan kemurnian akhlak yang ditunjukkan oleh Baginda semasa hayatnya telah berjaya mengetuk pintu hati masyarakat ketika itu untuk menerima ajaran Islam. Antaranya, sebagaimana peristiwa baginda yang sering diganggu oleh seorang wanita Yahudi. Namun pada saat wanita itu jatuh sakit, baginda malah menziarahinya untuk bertanya khabar. Inilah salah satu pesona keindahan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Tidak hanya berdakwah dengan kata-kata, bahkan baginda menunjukkan pula dengan tingkah laku.

Ketika Saidatina A'isyah RA ditanya tentang akhlak Rasulullah SAW terhadap keluarganya. Saidatina A'isyah menjawab:

كَانَ أَحْسَنَ النَّاسِ خُلُقًا لَمْ يَكُنْ فَاحِشًا وَلَا سَخَابًا بِالْأَسْوَاقِ وَلَا  
يُجْزِئُ بِالسَّيِّئَةِ مِثْلَهَا وَلَكِنْ يَعْفُ وَيَصْفَحُ

**Maksudnya:** "Baginda adalah orang yang paling baik akhlaknya, tidak pernah berbuat keji, tidak bercakap dengan kata-kata yang kotor, tidak berteriak-teriak di pasar, dan tidak pernah membalas dengan kejahanan yang sama (yang diperlakukan kepadanya), akan tetapi baginda seorang yang pemaaf dan pengampun." (**Hadis riwayat Imam Ahmad**)

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Membaca kisah-kisah Rasulullah SAW pastinya boleh menggugurkan air mata kerinduan. Antara kisah yang menyedihkan seperti yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan Muadz bin Jabal. Ketika itu, Rasulullah SAW melantik Muadz untuk menjadi Qadhi di Yaman.

Sebelum Muadz bertolak ke Yaman, Baginda meminta supaya Muadz meluangkan sedikit masa bersamanya. Ketika itu Muadz menunggang tunggangannya dan Rasulullah SAW berjalan di samping tunggangannya Muadz. Situasi tambah menyedihkan apabila Rasulullah SAW berterus-terang kepada Muaz: "*Wahai Muadz, barangkali engkau tidak akan dapat berjumpa dengan aku lagi selepas ini*". Baginda SAW seolah-olah sudah mengetahui akan ajalnya. Lalu menangislah Muadz dengan tangisan yang dahsyat.

Lihatlah, betapa kasih dan cintanya para sahabat kepada Baginda SAW. Kecintaan ini juga berlandaskan juga kecintaan yang tinggi Rasulullah SAW kepada para sahabat baginda. Ketahuilah bahawa kecintaan Baginda kepada kita umatnya juga sangat tinggi. Jika tidak, Baginda tidak bersusah payah menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia bahkan mendoakan pula umatnya memperoleh hidayah Allah SWT.

Para sahabat baginda yang tegas dan terdiri dari pasukan perang itupun pasti akan bercucuran air matanya andai melihat Rasulullah SAW bersedih. Sebagaimana kisah yang berlaku kepada Muadz bin Jabal tadi. Maka, perbanyakkanlah membaca dan mendengar kisah-kisah sebegini. Biarkan air mata kita jatuh mengenangkan Rasulullah SAW. Pastinya ia akan mengobarkan semarak rasa cinta kepada Baginda SAW.

Sesungguhnya kerinduan kita kepada Baginda Nabi SAW adalah tidak bertepi. Kita juga bercita-cita tinggi untuk bertemu dengan Baginda walaupun dalam mimpi apatah lagi bersama dengan Baginda di akhirat kelak.

Ya Allah! Engkaulah yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui isi hati kami ini. Sesungguhnya kami benar-benar merindukan Rasulullah. Maka Berikanlah kami syafaat Baginda di Hari Akhirat kelak dan dapat bersama-sama dengan baginda dalam Syurga-Mu.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يُطِعَ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشَّهِداءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسْنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat)”. (**Surah al-Nisaa’ ayat 69**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَٰبِ الظَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِيْكُمْ وَتَقُوَّى اللّٰهُ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ  
 الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa juar perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

﴿إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا﴾

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى  
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 وَارْضِ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمَوَاتِ.  
اللَّهُمَّ ايْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكَنَا كِبَاوَهِ دُولِي يَعْ  
مَهَا مُولِيَا سُرِي ڤُدوُک بِكِينِدا يَعْ دُفْرُتوانِ اَكْنُوُغ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَاهُ الدِّينِ  
الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهِ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سُرِي ڤُدوُک بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِي اَكْنُوُغ،  
تُونِكُو حَاجِه عَزِيزَه اُمِينَه مِيمُونَه إِسْكَنْدَرِيَه بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ  
سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَاهُهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمِئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِرِّ اِلْسَلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَاعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا  
اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَنَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ ﴾

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظِمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.